

03 APR 1997

TIME TELEKOM LABUR RM30 JUTA UNTUK TUBUH STESEN BUMI DI UPM

SERDANG, 3 April (Bernama) -- TIME Telecommunications Sdn Bhd (TIME Telekom) melabur RM30 juta untuk mengadakan sebuah stesen bumi di Universiti Putra Malaysia (sebelum ini Universiti Pertanian Malaysia) untuk mengadakan penyambungan dan perkhidmatan telekomunikasi sepenuhnya kepada Taman Inkubator UPM-MTDC dan pelanggan TIME Telekom di seluruh negara.

Taman Inkubator UPM-MTDC, usaha sama antara UPM dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menempatkan beberapa buah syarikat berkaitan multimedia dan bioteknologi di Malaysia.

"Taman Inkubator ini akan menjadi "ujian besar" kepada prasarana telekomunikasi TIME Telekom yang akan membolehkan syarikat-syarikat yang menyertainya menjalankan penyelidikan dan pembangunan mereka dan untuk mendapatkan akses kepada asas pelanggan TIME Telekom di seluruh negara serta di pasaran-pasaran antarabangsa," kata pengerusi eksekutifnya Datuk Zaidan Othman.

Zaidan berkata kunci kejayaan Taman Inkubator itu ialah ketersediaan prasarana maklumat untuk menyokong penggunaan lebar jalur saling bertindak.

Upacara menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

DAB SIA